

Pesanan Dr. M disifatkan kunci kecemerlangan negara

UM 27/10/03

KUALA LUMPUR 26 Okt. — Pemimpin-pemimpin Barisan Nasional (BN) menyifatkan pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia memelihara keamanan dan memilih semula Barisan Nasional (BN) sebagai kunci bagi meneruskan kecemerlangan negara ini.

Mereka sepakat ia wajar dihayati dan diamalkan oleh semua pihak tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, meskipun ringkas namun pesanan itu mempunyai makna yang cukup besar.

"Kita berharap semua pihak dapat menjiwai pesanan itu dan tidak salah menjadikan cara hidup kerana ia bertepatan dengan segala tuntutan termasuk agama," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pesanan Dr. Mahathir, enam hari menjelang persaraannya yang meminta supaya

rakyat Malaysia memelihara keamanan serta kestabilan negara dan memilih semula BN pada pilihan raya umum akan datang.

Dr. Mahathir menegaskan, kestabilan dan keamanan merupakan kunci kepada masa depan negara dan rakyat tidak boleh memperjudikannya semata-mata kerana sedikit kemarahan kecil disebabkan tidak mendapat sesuatu.

Muhammad berkata, kejayaan yang dirintis oleh Dr. Mahathir terlalu besar dan perlu diteruskan oleh rakyat.

"Kita jangan sesekali cuba merosakkan kejayaan dan asas-asas itu tetapi perlu melebarkan lagi kejayaan yang telah dicipta hari ini," katanya.

Timbalan Presiden MIC, Datuk S. Subramaniam berkata, pesanan tersebut wajar diterima dengan hati terbuka oleh semua pihak kerana ia datang daripada seorang yang mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negara.

"Saya yakin rakyat pada kese-

luruhannya faham dan memahami peranan dan sumbangan BN," katanya.

Beliau menambah, MIC sebagai parti komponen BN akan berusaha mempertahankan kejayaan sedia ada mengamalkan segala nasihat yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri.

Sementara itu, **Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat** berkata, segala pesanan Perdana Menteri itu perlu dihayati dan diamalkan oleh seluruh rakyat negara ini.

"Jangan hanya kata ya dan simpan dalam hati tetapi tidak dilakukan," tegasnya.

Menurut beliau, nasihat itu wajar dipraktikkan kerana ia bukan untuk kepentingan peribadi tetapi untuk kesejahteraan semua pihak dan keamanan negara.

"Lebih-lebih lagi kepada kaum belia yang akan mewarisi pemerintahan negara," katanya.